

PEMUDA AMBIL 2 KAMPUNG ANGKAT

KUALA LUMPUR, Khamis — Jawatankuasa Khas Kemiskinan Pergerakan Pemuda Umno Malaysia mengambil dua kampung yang mundur dan ketinggalan sebagai kampung angkat.

Dua kampung itu ialah Kampung Tengkek, Hulu Jempol, Negeri Sembilan yang mempunyai 200 keluarga dan Kampung Air Deras, Tungkang Sidin, Sungai Manik, Perak (150 keluarga).

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Khas itu, Encik Anwar Ibrahim menegaskan, pihaknya akan cuba memperbaiki infrastruktur kampung berkenaan supaya ia menjadi kampung yang maju.

Mesyuarat itu juga mengumumkan perliantikan empat ahli jawatankuasa tambahan iaitu ahli perniagaan, Dr Tajuddin Jali; Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Kedah (Keda), Dr Afifuddin Haji Omar; Pengurus Besar Bank Rakyat, Dr Hadl Darani dan Encik Mohd. Ghazi Haji Ramli, Pengarah Urusan Kulitkraf.

Beliau yang juga Menteri Kebudayaan, Beliau dan Sukan menyatakan, kampung angkat ini adalah proses yang berterusan.

Katanya, pihaknya berharap kampung angkat ini dicontohi oleh semua pihak masyarakat sama ada sektor swasta atau mahasiswa.

"Melalui konsep ini, diharap sektor swasta atau badan-badan tertentu turut serta supaya konsep kampung angkat ini dilaksanakan di seluruh negara," ujar beliau.

Encik Anwar yang juga Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia berpendapat, konsep ini dilaksanakan bagi menjelaskan kepada masyarakat bahawa usaha-usaha membasmi kemiskinan bukan diletak kepada kerajaan sahaja, tetapi semua pihak.

Katanya, usaha-usaha membasmi kemiskinan hanya berkesan jika setiap golongan masyarakat dan sektor swasta mengambil bahagian.

Beliau juga menggesa semua pihak termasuk Pemuda Umno Bahagian memberi pandangan dan cadangan yang konkrit mengenai masalah kemiskinan.

Katanya, ahli akademik dan usahawan perlu memberi cadangan yang konkrit untuk membasmi masalah kemiskinan.

Encik Anwar menjelaskan, Pemuda Umno Bahagian akan memalin-

kan peranan penting dalam mengenalpasti mereka yang benar-benar berkelayakan menerima bantuan dari Tabung Jawatankuasa Khas Kemiskinan itu.

Katanya, mereka yang mendapat bantuan dari Tabung itu adalah yang menerima kecelakaan, ti-

dak mampu membiayai persekolahan anak atau sebagainya.

Beliau menyatakan, mereka yang memerlukan bantuan itu perlu menulis terus kepada Pengerusi Jawatankuasa Khas atau melalui Pemuda Umno Bahagian-Bahagian.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia